



**SURAT PEMBERITAHUAN  
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.**

**MERINYU BANDARAN (D.1-2-3 EB.4-5)  
JABATAN BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA  
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

**Syarat-Syarat Am:**

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



- 1. MERINYU BANDARAN  
JABATAN BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA  
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI  
D.1-2-3 EB.4-5 (\$530 - \$1,625 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) 4 Kepujian / Kredit mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei-Cambridge Peringkat Biasa atau sebanding.

**ATAU**

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Bandaran dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji E.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

**ATAU**

- c) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji E.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Membuat pemantauan di ruang-ruang komersial dan bangunan-bangunan di bawah kawalan Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria seperti gerai-gerai makan, tamu, tamu pasar malam, bangunan-bangunan bumiputera dan aktiviti-aktiviti perniagaan yang dianjurkan oleh Jabatan dari semasa ke semasa;
2. Pemantauan dijalankan atau dibuat adalah bagi memastikan peniaga-peniaga mematuhi peraturan-peraturan dan syarat-syarat penyewaan;



3. Ditugaskan untuk mengambil kedatangan peniaga-peniaga di bangunan-bangunan Kerajaan atau tamu-tamu di bawah kawalan Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria iaitu Tamu Kawasan Letak Kereta Pasarneka Kuala Belait, Tamu Pasarneka Seria, Gerai Makan di bawah kawalan Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria, Pasar Malam Hujung Minggu Jalan Bunga Kenanga Seria, Pasar Malam Hujung Minggu di Bangunan Pasar Lama Kuala Belait, Pasarneka Seria dan Pasarneka Kuala Belait, Bangunan Bumiputera Seria dan Bangunan Bumiputera Kuala Belait, peniaga-peniaga di kawasan Tudong Saji Kuala Belait;
4. Memantau dan memeriksa bagi memastikan tempat-tempat perniagaan dan perusahaan dilesenkan di bawah perintah Lesen *Establishment* Kecantikan dan Kesihatan 2016 dan akta hiburan awam di bawah kawalan Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria;